



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

**KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG MELAWAT RUMAH SERI KENANGAN, CHERAS SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG AL SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH SHAH**

**CHERAS, 7 JUN** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj telah berkenan bercemar duli melawat Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Shah.

Rumah Seri Kenangan (RSK) adalah Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang ditubuhkan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Pada masa ini terdapat sebanyak 10 RSK yang menempatkan warga emas berumur 60 tahun ke atas yang dikendalikan oleh JKMs.

RSK Cheras dibina pada tahun 1965 di atas tanah seluas 15 hektar dalam Mukim Hulu Langat, Negeri Selangor. Pada tahun 2007 RSK ini telah dibina semula dan seterusnya mula beroperasi di bangunan baharu pada Disember

2010 sehingga kini dengan memberikan pelbagai perkhidmatan kepada penghuni seperti jagaan dan perlindungan, rawatan perubatan, terapi carakerja dan fisioterapi, bimbingan dan kaunseling, aktiviti riadah dan rekreasi dan kemudahan beribadat. Sehingga hari ini seramai 210 penghuni yang terdiri daripada 126 lelaki dan 84 perempuan mendapat perlindungan di RSK ini.

Dalam majlis ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah berkenan mengurniakan cek sumbangan bernilai RM30,000 kepada Rumah Seri Kenangan, Cheras. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong juga berkenan mencemar duli beramah-mesra sambil melihat aktiviti-aktiviti pemulihan dan terapi yang dilakukan oleh penghuni di Pusat Rehabilitasi RSK.

YB Dato'Seri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan seluruh warga kerja KPWKM merafak sembah dan menjunjung kasih atas keprihatinan dan limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bercemar duli ke Rumah Seri Kenangan Cheras pada hari ini.

Limpah kurnia lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ini menzahirkan keprihatinan dan kasih sayang Baginda Tuanku kepada rakyat khususnya warga emas. Ia amat bertepatan dengan usaha berterusan KPWKM menambahbaik perkhidmatan warga emas dan memastikan kualiti hidup mereka selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif selaras dengan Dasar Warga Emas Negara bagi menyediakan Malaysia ke arah status negara tua pada tahun 2030.

KPWKM melalui JKM kini mengendalikan sebanyak 67 institusi kebajikan di seluruh negara yang terdiri daripada 39 institusi kanak-kanak, 10 institusi orang kurang upaya, 5 institusi orang papa, 1 institusi perlindungan mangsa perdagangan orang dan 12 institusi warga emas.

Turut hadir menyambut keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Wan Ismail, isteri YAB Perdana Menteri, YB Hajah Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri KPWKM, YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan Encik Norazman bin Othman, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**7 JUN 2023**